

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HMT 224 Linguistik Sejarah dan Perbandingan Bahasa Austronesia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab **LIMA** [5] soalan sahaja. Setiap soalan membawa markah 20%.

1. Ahli falsafah Socrates berpendapat bahawa di antara nama dan rujukan (benda) terdapat hubungan yang teratur, manakala Aristotle berpendapat bahawa makna sesebuah perkataan bersifat sewenang-wenang. Bincangkan kedua-dua pendapat ini berdasarkan Tipologi Semantik.
2. Ada tiga cabang linguistik bandingan, iaitu: linguistik bandingan tipologis, linguistik bandingan historis dan linguistik bandingan areal. Huraikan.
3. Dua kaedah di dalam membandingkan bahasa telah dijalankan oleh sarjana bahasa abad ke-19 iaitu Kaedah Klasik dan sarjana bahasa abad ke-20 iaitu Kaedah Moden. Bandingkan kedua-dua kaedah ini bagi menyelidiki bahasa yang sekeluarga.
4. Bagaimanakah cara menelusuri bahasa sekerabat bagi mengetahui bahawa dua bahasa atau lebih tersebut pada satu juta tahun yang lalu merupakan satu induk?
5. Kemukakan empat langkah kajian bahasa bagi menyusurgaluri bahasa Melayu purba.
6. Nyatakan perbezaan di antara rekonstruksi dalaman dengan rekonstruksi luaran.
7. Teori Genealogi mengemukakan 3 kaedah, iaitu: Kaedah Pemeriksaan Sekilas, Kaedah Kosa Kata Dasar dan Kaedah Inovasi. Sila kemukakan Kaedah Inovasi sahaja dengan memberi tumpuan terhadap perubahan yang berlaku pada kosa kata dasar.